



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 36

RABU 8HB SEPTEMBER, 1982.

رابعو 19 ذوالقعدة 1402

PERCHUMA



PENUNTUT2 Brunei di-United Kingdom yang sedang berchuti di-tanah ayer telah mengadakan satu majlis keshukoran sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada minggu lalu. Majlis tersebut di-adakan di-Dewan Persantapan Lapau di-ibu negeri.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berangkat ka-majlis tersebut dengan di-iringi oleh Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, Ak. Ismail bin Pengiran Hassan.

Timbal-balas khidmat penuntut2 di-tuntut

Oleh: Muhaimin Haji Muhammad

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan berhak menuntut timbal-balas khidmat penuntut2 di-seberang laut yang telah menamatkan pengaji-an.

Para penuntut hendaklah belajar bersungguh-sungguh dengan beroleh kejayaan dalam bidang2 yang tertentu secepat2-nya dan tidak senghaja melambatkan lambatkan kepulangan mereka ka-tanah ayer.

Ini memandangkan kekurangan tenaga2 yang berpelajaran dan berkemahiran untuk memainkan peranan dalam berbagai2 ranchangan pembangunan Kerajaan.

YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Awg. Abd. Rahman menegaskan demikian ketika berucap merasmikan pembukaan Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut kali ketujuh di-Pusat Belia di-



YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman ketika berucap.

sini pada hari Ahad, 5hb. September yang baru lalu. Menurut-nya, pemberian dermasiswa Kerajaan tidak lagi mengikut ke-

mampuan penuntut2 memilih apa jua jurusan yang di-kehendaki, tetapi adalah di-tumpukan pada pelajaran atau kemahiran dalam jurusan2 yang tertentu sesuai dengan keperluan pembangunan dan perkembangan negeri ini.

"Baru2 ini Kerajaan telah mengadakan satu Kajian Ranchangan Tenaga Manusia dan ia-nya nanti akan memperkembangkan lagi bagi mendapatkan tenaga2 yang terlatih dan berkemahiran terdiri dari raayat negeri ini," ujar-nya.

Pemangku Setiausaha Kerajaan, menyeru kepada penuntut2 seberang laut supaya menolak pengaruh kehidupan yang ti-

Lihat muka 20

Jawatankuasa Meneliti Masaalah2 Pelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah membentuk sa-buah jawatankuasa yang di-namakan Jawatankuasa Meneliti Masaalah2 Pelajaran.

Di-antara tugas penting jawatankuasa ini ia-lah meneliti masaalah2 pelajaran dengan pempunuan utama-nya untuk mengkaji sa-jauh mana pelaksanaan Laporan Suruhanjaya Pelajaran Negeri Brunei 1972 telah di-laksanakan dengan sempurna-nya tepat dengan

hasrat laporan itu. Dalam menjalankan tugas2 ini, jawatankuasa tersebut berharap akan dapat mengadakan hubungan langsung dengan berbagai2 pihak khusus-nya pihak2 yang bersangkutan-paut dengan hal-ehwal pelajaran di-seluruh negeri ini termasuklah juga orang2 perseorangan dan lain2 sumber yang boleh memberikan pendapat masing2 mengenai perkembangan dan masaalah2 pelajaran di-negeri ini.

Jawatankuasa tersebut di-pengerusi oleh Y.B. P.O.K. Amar Diraja Dato Seri Uta-

ma (Dr) Haji Mohd Jamil Al-Sufri dan di-anggotai oleh tiga orang ahli. Mereka ia-lah terdiri dari Y.B. P.O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pelajaran dan Awang Abd Razak bin Haji Muhammad, Pengarah Radio Talivishen Brunei.

Awang Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Said di-lantik sa-bagai Setiausaha Jawa-

Lihat muka 20

KETURUNAN TIONG HWA DI-INGATKAN: SESUAIKAN DIRI DGN. ASPIRASI NEGARA — Titah

Oleh: MOHAMAD SALIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Raayat dan penduduk keturunan Tiong Hwa di-ingatkan supaya akan dapat menyesuaikan diri mereka dengan kehendak2 aspirasi negeri ini.

Mereka juga di-ingatkan supaya mempelajari Bahasa Melayu bersungguh-sungguh dan menggunakan-nya sa-tiap masa sa-bagai bukti taat setia mereka kepada negeri ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bertitah mengingatkan demikian di-majlis keshukoran sempena

Puja Usia Baginda tahun ini yang di-berikan oleh Dewan Perniagaan Tiong Hwa di-sini baru2 ini.

Baginda menambah, ingatan itu ada-lah merupakan hasrat Baginda untuk melihat negeri ini yang akan mencapai kemerdekaan-nya akan mempunyai raayat dan penduduk-nya berada dalam suasana aman dan harmoni.

Demikian juga jelas hasrat Baginda itu, dengan penggunaan Bahasa Melayu itu ia-nya merupakan antara asas2 ka-rakar pembentokan identiti keBruneian yang melibatkan beberapa perkara mustahak yang di-utamakan, di-samping mengelakkan mereka dari terus di-churiga oleh raayat tempatan negeri ini.

Titah Baginda lagi, menerusi amalan mempelajari Bahasa Melayu itu, mereka bukan saja sa-takat untuk mendapatkan taraf kearaayatan, malah menerima dan mengakui

Lihat muka 20



YB. Pehin Datu Temenggong Dato Seri Paduka Awang Lim Ching Choo junjong ziarah kehadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di-sebelah kanan ia-lah Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hwa, Awang Lim Eng Meng.

D.P.T.H. jalankan usaha niaga dgn orang2 Melayu

Oleh: Muhaimin Haji Muhammad

BANDAR SERI BEGAWAN. — Baru2 ini Dewan Perniagaan Tiong Hwa telah menjalankan usaha niaga sama dengan orang2 Melayu di-negeri ini menerusi Dewan Perniagaan Melayu Brunei sa-bagai langkah permulaan.

Ini di-harap bukan sahaja akan mengukuhkan sosio-ekonomi di-kalangan berbilang kaum tetapi mengeratkan lagi silatulahim di-kalangan peniaga2 di-negeri ini.

Demikian di-sembahkan oleh Awang Lim Eng Meng, Pengerusi Dewan Perniagaan Tiong Hwa di-Brunei kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-Majlis Keshukoran Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang ke-36 tahun, di-Dewan Persantapan Lapau oleh Dewan Perniagaan Tiong Hwa pada malam Khamis, 1hb. September, yang baru lalu.

Awang Lim Eng Meng menyatakan sa-bagai junjong usaha2 kerajaan mereka telah mengikuti

berbagai-bagai kelas dewasa untuk mempelajari Bahasa Melayu yang di-ke-lolakan oleh Jabatan Pelajaran, bahkan ada di-antara mereka lebeh awal mempelajari-nya sa-chara ber-sendirian.

Dengan ada-nya satu bahasa tambah-nya, dapat di-fahami oleh semua kaum di-negeri ini, maka akan erat silatulahim, persefahaman, bantu membantu dan perpaduan yang bersifat keBruneian demi meninggikan lagi taraf hidup serta mengekalkan keamanan dan keharmonian yang sedang di-neikmati pada masa ini.

Tambah-nya, mereka sekarang tidak lagi khuatir dan churiga tentang usaha2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-bagaimana yang telah di-sembahkan oleh YAB Pemangku Menteri Besar di-Majlis Mengadap baru2 ini.

Kata-nya, mereka sentiasa menyanjong tinggi usaha sa-demikian untuk

Lihat muka 20

Manis-nya Iman

"MENYEMPURNAKAN kehajatan itu lebeh afdhal dari memulakannya." — Hadith Nabi riwayat At-Tabarani dari-pada Jabir.



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAB
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

8HB. SEPTEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Orang Tiong Hwa: PENYESUAIAN KA-DALAM IKLIM BRUNEI

Sudah sa-makin jelas dan tegas bahawa masyarakat Tiong Hwa di-negeri ini adalah di-kehendaki menyesuaikan diri se penoh-nya dengan 'iklim' Brunei.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam majlis jamuan keshukoran hari keputeraan Baginda anjoran Dewan Perniagaan Tiong Hwa minggu lepas sangat berterus terang. Kandungan-nya sudah barang sewajar-nya akan di-teliti oleh banyak pihak terutama dalam masyarakat Tiong 'Hwa di-negeri ini sama ada yang sudah menjadi raayat mahu-pun yang ber-taraf penduduk tetap. Mereka itu diperchayai akan menjunjung titah Baginda kita dengan meyakini bahawa itu-lah dasar negeri ini untuk mereka ikuti dalam memungkinkan diri mereka di-terima ka-dalam 'iklim' negeri ini.

Tidak shak bahawa Bahasa Melayu dan Adat Istiadat turun temurun negeri ini adalah dua chiri terpenting. Titah Baginda mengenai-nya sangat tegas tidak mengechualikan sebarang golongan dan kaum daripada di-persharatkan menerima sepenoh-nya kedua-dua unsur utama itu. Sebab, bagi kita di-negeri ini Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi bukan sa-takat merupakan faktor perpaduan kebangsaan, bahkan ia seperti juga 'adat istiadat' ada-lah dua chiri terpenting dalam menimbulkan sifat identiti keBruneian yang tulin yang mahu di-tegohkan.

Sa-telah semua ini jelas maka masyarakat Tiong Hwa tidak sepatut-nya terus menerus meragukan kedudukan masa depan mereka di-negeri ini sa-lama mana dasar yang sudah di-tegaskan itu dapat mereka ikuti. Sa-lama ini pun sikap dan pendirian Kerajaan dalam isu2 yang mereka bangkitkan telah mereka ketahui, bahawa — mithal-nya — tidak akan ada sebarang perubahan atau kelonggaran dalam sharat2 untuk menjadi raayat. Terserah kepada masing2 orang yang mahu menjadi raayat untuk memenuhi sharat2 yang ada dalam Undang2 Taraf Kebangsaan 1961.

Sa-hubungan dengan itu, Kerajaan dan raayat terbanyak sudah-pun berazam untuk mempertahankan dan memelihara suasana kehidupan yang harmoni di-negeri ini. Sa-takat ini pun masyarakat Tiong Hwa sudah membuktikan penglibatan mereka dalam memenuhi azam itu. Maka tidak ada sebab pertanda yang baik dalam sikap mereka itu tidak dapat mereka kembangkan dengan menerima sepenoh-nya chiri2 utama dalam sifat identiti keBruneian itu untuk mereka diterima sa-bagai raayat dan penduduk yang sesuai dengan iklim Brunei yang sebenar-nya.

PENTADBIRAN KERAJAAN YANG EFISHEN BOLEH DI-WUJUD TANPA RASUAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pentadbiran kerajaan yang efisien lagi chergas, jujur serta amanah boleh di-ujudkan tanpa rasuah asalkan pengawasan dan pengawalan ka-atas semua pegawai2 dan kaki-tangan dapat di-jalankan.

Rasuah akan melumpuhkan kerajaan, membawa kerajaan ka-araf kemiskinan dan pentadbiran kerajaan yang tidak senunoh.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, Pengarah Biro Menchegah Rasuah berkata demikian di-satu sidang akhbar Biro itu di-pejabat-nya baru2 ini menambah, Undang2 Dharurat Menchegah Rasuah 1981 menjelaskan ada-lah menjadi kesalahan kapada mereka yang melakukan rasuah sama ada kaki-tangan kerajaan, orang2 awam atau ahli2 sharikat.

Undang2 Menchegah Rasuah itu, tambah Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali, di-wujudkan berikutan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk melahirkan Kerajaan Baginda yang mempunyai sistem pentadbiran yang efisien lagi chergas, jujur serta amanah.

Baginda Yang Dipertuan, kata-nya, berazam akan mengambil apa jua tindakan penchegahan kapada sebarang rupa bentuk rasuah di-kalangan pegawai2 dalam Kerajaan Baginda.

RAJA YANG TEGAS

"Kita sangat beruntung kerana mempunyai sa-orang raja yang tegas, Baginda sama sa-kali menegah pegawai2 dari mengamalkan apa jua bentuk rasuah," ujar Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali.

Menurut beliau lagi, orang ramai perlu-lah kerjasama dengan Biro Menchegah Rasuah dengan memberi makloman tanpa berperasaan khuatir, kerana segala makloman itu ada-lah di-rahsiaikan.

Mereka juga tambah-nya, tidak perlu khuatir tentang Undang2 Menchegah Rasuah itu kerana ia-nya hanya di-tujukan kapada orang2 yang akan dan telah melakukan rasuah.

Dengan kerjasama mereka itu, kata-nya lagi, ada-lah juga menjadi punca kejayaan perlaksanaan tugas2 Biro.

"Kerja2 Biro ini ada-lah untuk kebaikan seluruh negeri ini dan kerajaan,

.... Biro menchegah Rasuah ada-lah bersandar kekuatan-nya mengikut undang2 berkenaan dan semua pegawai dan kaki-tangan Biro ada-lah tidak tertaklok kapada lain2 arahan melainkan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia saja.

.... Dengan kerjasama mereka itu, ada-lah juga menjadi punca kejayaan pelaksanaan Biro.

kerajaan yang berseih ia-lah kerajaan yang sehat dan bertanggung-jawab, ini-lah kerajaan yang kita sama2 idami," jelas-nya.

MENANAM KESEDARAN

Kapada ketua2 jabatan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyarankan, supaya mereka akan berusaha menanam kesedaran di-kalangan pegawai2 mereka berhubung usaha2 keras kerajaan untuk membasmi amalan2 demikian, dan pegawai2 kerajaan pula hendak-lah di-nasihatkan supaya melaporkan segala perbuatan atau penerimaan atau permintaan suapan.

"Undang2 ini mewa-jibkan bagi sa-seorang pegawai supaya melaporkan sebarang kesalahan sa-demikian, dan jika mereka gagal berbuat demikian pegawai itu akan di-bawa ka-mahkamah," ujar-nya.

Di-jabatan2 yang mudah terdedah kapada amalan2 rasuah, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali mengingatkan, ketua2 jabatan hendak-lah memastikan apa jua langkah munasabah serta



Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali.

menchukopi untuk men-chegah rasuah dari berlaku di-kalangan pegawai2 dan kaki-tangan masing2.

Antara langkah2 yang boleh di-ambil kata-nya, ia-lah meningkatkan kaedah2 dan tata-chara bekerja, pengawasan yang lebeh berkesan, pemereksaan mengejut yang ber-sistem dan peraturan2 keselamatan keluar masuk ka-kawasan pejabat.

TEKNIK PENYIASATAN

Mengenai langkah2 penyiasatan Biro itu, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata,

.... Kerajaan yang berseih ia-lah kerajaan yang sehat dan bertanggung-jawab, ini-lah kerajaan yang kita sama2 idami.

penyiasatan sa-chara meluas akan di-jalankan apabila pegawai2 Biro telah dapat menguasai teknik penyiasatan yang berkaitan yang di-anggap masih baru di-negeri ini, bagaimanapun sebarang penyiasatan akan di-jalankan sa-chara senyap2.

Untuk itu kata-nya,

orang ramai perlu memberi kerjasama dan memberi makloman berkenaan dengan orang2 yang menerima rasuah, tanpa kerjasama itu penyiasatan pihak Biro akan menghadapi kesukaran.

"Tetapi bagaimanapun, Undang2 Menchegah Rasuah ada-lah mempunyai kuasa meluas dan jika satu chara tidak dapat di-buat, pegawai2 akan menyiasat dengan chara lain," kata-nya.

Mengenai kedudukan Biro Menchegah Rasuah, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali berkata, orang

ramai tidak perlu menimbulkan keraguan kerana Biro Menchegah Rasuah ada-lah bersandar kapada kekuatan-nya mengikut undang2 berkenaan dan semua pegawai dan kaki-tangan Biro ada-lah tidak tertaklok kapada lain2 arahan melainkan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia saja.



SA-TELAH meninjau dan melihat lebih dekat lagi bahagian2 peralatan yang terdapat dalam kapal KDB Seteria ini, YAB. Pemangku Menteri Besar beredar keluar dengan di-iringi oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut.



YAB. Pemangku Menteri Besar dan YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan dengan di-iringi oleh Pemerintah dan Timbalan Pemerintah AMDB ketika menyaksikan dan di-beri penerangan mengenai kelengkapan kenderaan pasokan Battalion Pertama dalam Platon Kenderaan di-bawah pengawasan pegawai-nya Kapitan Aliakbar bin Mohd. Sani (menghadap kamera).

Lawatan ka-Pasokan AMDB

YAB. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada 1hb. September lalu telah meninjau kegiatan2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei bermula dari Markas Pasokan di-Berakas Kem, Battalion Kedua dan Padang Tembak Binturan serta Angkatan Laut di-Muara.

Yang Amat Berhormat yang disertai juga oleh YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abdul Rahman serta ahli2

Jawatankuasa Belanjawan dan beberapa orang ketua2 jabatan Kerajaan telah di-alu-alukan oleh Pemerintah Pasokan serta pegawai2 kanan AMDB di-Markas Pasokan.

Sa-telah mendengar taklimat di-Markas Pasokan, rombongan tersebut beredar pula ka-padang kawat untuk menyaksikan sa-chara dekat beberapa peralatan ketenteraan Pasokan AMDB dari beberapa yunit pasokan termasuk peralatan dari Pasokan Pemusnah Bom, pesawat2 helikopter Chawangan

Udara, Pasokan Meriam Katak dan Pasokan Peninjau Kereta Perisai.

Dari padang kawat Berakas Kem rombongan Yang Amat Berhormat itu juga membuat tinjauan dari udara dengan menaiki beberapa buah pesawat helikopter Chawangan Udara ka-Battalion Kedua dan Padang Tembak Binturan dan terus ka-Angkatan Laut di-Muara untuk menyaksikan gerakan ketenteraan yang di-amal bahagian oleh anggota2 Angkatan Laut Chawangan Udara. Di-samping itu rombongan juga berkesempatan menaiki kapal WASPADA pasokan itu.

Liputan: Mohammad Salim

Gambar: Haji Sharbini dan Ak. Abu Bakar



YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan ketika di-beri penerangan oleh Mejar Ibrahim mengenai peralatan pesawat helikopter Chawangan Udara AMDB.



DI-ATAS salah sa-buah kapal yang di-miliki oleh Angkatan Laut, YAB. Pemangku Menteri Besar, YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan dan YB. Pehin Orang Kaya Amar Diraja mendengar penerangan dari Pegawai Pemerintah Angkatan Laut.



YB. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan YB. Pengiran Ismail ada-lah di-antara ketua2 jabatan Kerajaan yang ikut serta dalam rombongan pelawat itu ketika berada di-atas salah sa-buah kapal Angkatan Laut.

Al-Imam Al-Qadhi Iyadhun (Rahimahullahu Ta'ala) ada menulis dalam kitab-nya 'Tertibul Madarik' ketika menerangkan tarikh kehidupan Imam Al-Buhlul bin Rashid Al-Qairawani Al-Maliki (orang penting dalam mazhab Imam Malik).

Menurut cerita Ulama: Bahawa Imam Al-Buhlul telah memberi wang kepada sa-orang dari pengikut-nya sa-banyak dua dinar atau dua pound supaya membelikan-nya minyak zaiton, kerana ia terasah ingin hendak makan minyak zaiton itu. Dengan tidak semena2 ada orang mengkhabarkan kepada pengikut-nya itu bahawa di-kedai orang Nasrani di-sebelah sana ada orang menjual minyak zaiton yang sangat lazat. Lalu pergi-lah pengikut-nya itu ka-sana. Apabila sampai di-tempat yang di-maksudkan ia pun menyatakan tujuan-nya kepada orang Nasrani (Keristian) itu bahawa dia hendak membeli minyak zaiton untuk Imam Al-Buhlul.

Sikap Imam Al-Buhlul

Lantas orang Nasrani itu berkata: "Saya hendak berdamping kepada Allah Ta'ala dengan melalui Imam Al-Buhlul, sa-bagaimana orang2 Islam mendampingi Allah dengan melalui Imam Al-Buhlul itu". Lalu di-berikan-nya sa-chara per-chuma sa-potong minyak zaiton yang berharga empat pound. Sementara wang dua pound itu tidak di-ambil-nya. Kemudian orang itu pun balek kepada Imam Al-Buhlul dan ia menceritakan apa yang telah berlaku di-antara-nya dengan orang Nasrani itu.

Imam Al-Buhlul berkata kepada pengikut-nya itu: "Awak telah sam-paikan hajat-nya, maka sekarang awak sampaikan pula hajat saya, awak kembalikan dua pound itu kepada saya dan pulangkan minyak zaiton itu kepada orang Nasrani tadi".

Pengikut-nya yang kehairanan itu menjawab: *Mengapa begitu tuan guru?*

Jawab Imam Al-Buhlul: *"Saya teringat kepada firman Allah Ta'ala dalam surah Al-Mujadalah, ayat 27 yang tafsir-nya: Tiada akan kamu dapati suatu kaum atau suatu kumpulan dari orang yang beriman kepada Allah Ta'ala dan hari kemudian, berkaseh2 dan berchinta2 dengan orang yang menentang Allah Ta'ala dan Rasul-nya (orang kafir memang menentang dan membantah di-samping kufor akan ajaran Allah dan Rasul-nya Nabi Muhammad sallallahu Alaihi Wasallam)".*

Kata Imam Al-Buhlul sa-terus-nya: *"Saya takut untuk menaruh kaseh dan chinta muhibbah kepada-nya. Kerana dengan yang demikian itu bererti saya telah menentang Allah dan Rasul-nya di-sebarkan makan sedikit harta dunia dari minyak zaiton Nasrani itu".*

Shabas! kita ucapkan kepada Imam Al-Buhlul, jelas kepada kita

bagaimana ia telah menjaga ugama-nya dengan begitu hebat, sedar dan waspada. Patut-lah menjadi contoh kepada kita.

Berkata Al-Allamah Al-Qastalani dalam kitab Irshadus-Sari Lisharhi Sahihil Bokhari ketika ia mensharahkan hadith Al-Halal Baiyunun kata-nya: "Saya bersumpah dengan nama Allah, sa-lagi kamu tiada mengetahui sa-suatu benda itu halal, maka hendak-lah kamu meninggalkan-nya sa-bagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah meninggalkan sa-biji khorma kerana takutkan kalau2 khorma itu khorma yang terchichir dari sedekah orang. Sa-tinggi2 pangkat wara' ia-lah meninggalkan benda yang halal kerana takutkan benda yang haram". Sa-orang ahli sufi yang terkenal bernama Ibrahim bin Adham meninggalkan upah-nya, kerana ia shak yang ia tiada betul2 menyempurnakan kerja yang ada upah itu.

Chahaya Lampu

Saudara perempuan ahli sufi Bishrun Al-Hafi berkata kepada Imam Ahmad bin Hambal: "Kami mengait pakaian di-atas sutuh rumah kami, cholok2 pasokan kawalan keselamatan yang terang benderang itu telah menyuluh rumah kami, ada-kah harus bagi kami mengait pakaian dengan chahaya cholok itu?". Maka berkata Imam Ahmad: "Awak ini siapa?". Jawab perempuan itu: "Saya saudara perempuan Bishrun Al-Hafi". Lalu Imam Ahmad menjawab: "Dari rumah kamu datang wara' yang sejati, dari itu jangan-lah awak mengait di-bawah chahaya cholok itu".

Berkata Al-Allamah Al-Qastalani: "Puan Badi'atil Ijiyah yang berada pada zaman kita ini (kurun 10 Hijriah) telah tinggal di-Mekah sa-lama

30 tahun, puan itu tiada makan daging dan buah2an atau lain2 makanan yang di-import dari negeri Bujailah disebabkan orang2 Bujailah itu tiada memberi harta pusaka kepada anak2 perempuan mereka,

sementara itu bapa perempuan Badi'ah yang bernama Nuruddin pula enggan memakan buah2an yang di-import dari Medinah Al-Munawwarah kerana di-katakan bahawa orang2 di-Medinah tiada mengeluarkan zakat hasil

kebun2 mereka".

Begini-lah chara-nya orang yang berpegang tegoh kepada ajaran ugama-nya mengelakkan perkara yang shubhat dan haram, dan tidak ada sebab mengapa kita tidak

boleh mencontohi-nya kalau kita inginkan keredhaan dan keutamaan di-sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

WALLAHU A'ALAM

(Bersambung)

Siri ke-148

HALAL DAN HARAM: MENGAPA?

Penting-nya Pelajaran Ugama kepada masharakat bergantung kpd kejayaan-nya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penting-nya pelajaran ugama dari segi kemasharakatan dan kenegaraan banyak bergantung sa-chara langsung kepada kejayaan pelajaran ugama itu sendiri pada membentok jiwa dan peribadi individu yang menjadi yunit2 bagi masharakat dan negara.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan Ugama bagi murid2 Sekolah Ugama Seluroh Negeri di-Dewan Raya baru2 ini.

"Masharakat akan beruntung mempunyai anggota2-nya yang berperibadi luhur, berakhlak mulia, semangat berkerja yang tinggi dan perasaan tanggung-jawab pada negara dan bangsa serta kepada pemerintah", jelas Yang Berhormat itu.

Tambah-nya, sekira-nya nilai2 ini telah tertanam dalam diri kebanyakan anggota2 masharakat, sudah tentu tidak banyak halangan bagi mereka mengator langkah ka-arrah pembangunan, material yang pesat serta mengun-tongkan semua pehak.

"Dari sini kita dapat mengambil kesimpulan bahawa hubungan di-antara pembangunan

material dan pem-bangunan kerohanian adalah sangat rapat dan tidak boleh di-pisah2kan," kata-nya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan, jelas Yang Berhormat, telah memberikan peruntukan kewangan yang bukan sedikit jumlah-nya sa-mata2 untuk menyusun dan melaksanakan pelajaran ugama di-negeri ini.

"Dari itu, kita umat Islam di-negeri ini perlulah menyedari akan langkah2 dan usaha2 besar

yang di-lakukan oleh Kerajaan dalam bidang ini, khusus-nya para ibu bapa," ujar-nya lagi.


Beliau berkata penglibatan sa-chara langsung para ibu bapa dalam memberikan dorongan dan galakan bagi menjamin kemajuan pelajaran anak2 sudah tentu kanak2 itu akan dapat menguasai dengan sa-baik2-nya pelajaran ugama yang di-berikan.

"Pendek-nya pelajaran ugama yang di-berikan pehak sekolah tidak akan menelorkan kesan yang memuaskan jika ibu bapa

tidak sama2 memberikan perhatian yang sa-chukup2-nya," kata-nya lagi.

Yang Berhormat Dato Paduka Haji Othman menyeru ibu bapa dan Umat Islam di-negeri ini supaya memberikan perhatian sa-penoh-nya kepada pelajaran anak2 mereka terutama pelajaran ugama.

Turut berucap di-majlis itu ia-lah Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Tim-balan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, selaku penasehat bersama pertan-dingan itu.



Y.B. Dato Paduka Awang Othman bin Bidin mengalungkan sasandang kepada Awang Hamzah bin Mustafa, dari Sekolah Ugama Pg Anak Saleha (kiri) dan Dayang Hajjah Siti Maziah bte Ahmad dari Sekolah Ugama Puni, Temburong yang telah terpilih sa-bagai Murid Terbaik bagi tahun 1981.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

MARI-LAH kita tetap dan sentiasa bertakwa kepada Allah Ta'ala dengan sebenar2-nya dengan berbuat taat dan amal kebajikan yang di-redhai oleh Tuhan yang sentiasa mengetahui, melihat dan menchatetkan segala amal perbuatan kita baik bagaimana besar atau kecil sekali pun, yang mana segala amal perbuatan kita itu akan dihisab dan akan di-beri ganjaran atau balasan di-hari kemudian.

Sa-lepas itu mari-lah kita ikuti ajaran sa-buah hadith yang datang daripada sahabat Abi Umamah r.a. kata-nya: Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. berucap dalam musim haji, hijjah-tulwadae, sabda baginda erti-nya:

"Bertakwa-lah kamu hai orang2 yang beriman kepada Allah Ta'ala, dan sembahyang-lah kamu lima waktu, dan puasa-lah kamu akan puasa Ramadhan kamu, dan tunaikan-lah akan zakat harta kamu, dan taat setia-lah kamu kepada pemerintah2 kamu, neschaya kamu masok shorga Tuhan kamu sa-bagai balasan di atas amalan kamu."

Dalam hadith ini Baginda Rasulullah telah menerangkan akan sebab2 yang membawa orang mukmin itu masok shorga ia-itu pertama bertakwa kepada Allah, kedua mengerjakan sembahyang lima waktu, ketiga ber-

AMALAN2 YANG BOLEH MEMBAWA ORANG MUKMIN MASOK SHORGA

puasa sa-panjang bulan Ramadhan, ke-empat menunaikan zakat harta, dan kelima taat setia kepada raja dan pemerintah.

Bertakwa kepada Allah itu erti-nya sentiasa menjunjung titah perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya kerana takutkan azab api neraka. Dengan bertakwa kepada Allah itu orang Islam dapat melateh diri-nya berbuat perkara yang baik dan pekerjaan yang berguna dan dapat ia menahan diri-nya dari shahwat dan godaan nafsu jahat. Takwa kepada Allah itu suatu jalan bagi mendapatkan kebajikan sama ada lambat atau chepat, zahir atau bathin, dan takwa juga pendinding dari kejahatan sama ada lambat atau chepat, zahir atau bathin. Barang siapa yang bertakwa kepada Allah neschaya Allah ampunkan segala dosa-nya dan Ia kurniakan pahala yang besar kepada-nya.

RUKUN ISLAM

Ada pun mengenai mengerjakan sembahyang lima waktu, telah pun kita ketahui bahawa sembahyang itu rukun Islam dan tiang ugama, barangsapa tidak sembahyang neschaya dia meruntuhkan ugama-nya. Orang yang tidak sembahyang iman-nya lemah dan kechewa, sedangkan simpulan ikatan nikah-nya dengan isteri-nya dalam bahaya,

sebab ia tidak mengucap dua kalimah shahadat. Orang yang bersembahyang sekurang2-nya ia mengucap dua kalimah shahadat lima kali sa-hari, maka iman-nya terpelihara dengan shahadat itu dan nikah-nya selamat dari terpesong sebab kafir dan murtad.

Kerana tiap2 sa-orang ada-lah terdedah kepada kafir dan murtad sama ada dengan perkataan atau perbuatan dalam hidup-nya sa-hari2 sa-umpama dengan membaca buku2 dan akhbar2 yang berisi dengan tulisan2 yang mendatangkan shubhat dan kesamaran yang mana membawa shak kepada Islam dan bergongchang iman-nya, atau ia mendengar sharahan2 dari berbagai2 pancharan radio yang mana barangkali membawa kepada tercabut iman dan hilang kepercayaan-nya kepada Islam. Sedangkan shak kepada ajaran Islam atau menghinakan Islam atau menurut Allah atau Rasul-Nya yang bukan2 tiap2 satu-nya itu ada-lah kafir dan murtad dan keluar dari ugama Islam. Dengan bersembahyang sa-chara terus menerus pada tiap2 waktu-nya itu pasti akan terpelihara iman sa-seorang dan ia-nya ada-lah punca keselamatan-nya hidup di-dunia dan di-akhirat. Sembahyang itu juga ada-lah alat penghubung yang langsung antara hamba dengan Tuhan-nya. Dan ia ada-lah juga sa-bagai tanda sa-orang hamba itu tahu membalas budi dan berterima kaseh kepada

Tuhan yang mengurniakan kapada-nya berbagai2 nekmata yang tiada terkira besar dan banyak-nya.

PUASA RAMADHAN

Mengenai surohan berpuasa sa-panjang bulan Ramadhan, maka dengan berpuasa itu sa-seorang Islam dapat mengetahui betapa diri-nya lemah di-waktu lapar dan dahaga. Dengan itu boleh menimbulkan keinsafan kepada diri-nya untuk mengambil perhatian terhadap orang2 yang miskin dan menderita yang kekurangan dalam serba serbi-nya ia-itu dengan membantu mereka dengan berbagai2 rupa bantuan yang boleh merengangkan kelaparan dan penderitaan orang2 yang tiada berkemampuan itu. Dalam bulan Ramadhan sa-seorang itu dapat membersekan diri-nya sa-kadar mengeluarkan sa-ringgit lebeh dari jumlah harta yang telah dikurniakan Allah kapada-nya sa-chara perchuma ia-itu zakat fitrah bagi membersekan diri-nya dari kotor bathin, yang mana dengan demikian dapat juga-lah dia menolong fakir miskin dengan zakat itu.

ZAKAT FITRAH

Ada pun mengenai zakat harta, Allah Ta'ala telah mewajibkan supaya orang Islam yang ada harta tertentu samada wang, emas, perak, binatang2 ternakan, hasil2 tanaman seperti padi dan lain2, harta perniagaan dan sa-

bagai-nya yang telah chukup nasib dan haul atau tempoh-nya supaya di-keluarkan zakat-nya. Tiada mengeluarkan zakat harta simpanan, harta perniagaan dan lain2 yang telah chukup sharat2 berzakat ada-lah suatu dosa besar dan di-beri amaran serta ancaman di-dalam Al-Kor'an dan hadith, sa-tengah daripada-nya mereka akan di-seksa dengan azab yang amat dahshat dan mereka akan di-chap dengan emas perak yang tiada di-zakat-nya sa-telah emas perak itu di-bayar dengan api neraka dan mereka akan di-tanduk dan dilenyak oleh kerbau lembu dan kambing yang tiada di-zakatkan itu. Tiada berzakat itu menzalimkan hak fakir dan miskin dan orang2 yang berfiak mendapat-nya sedangkan menzalimkan orang2 itu ada-lah dosa besar dan sabda Rasulullah s.a.w:

"Takut-lah kamu akan do'a orang yang kena zalim kerana tiada sekaton di-antara do'a-nya dengan Allah Ta'ala yakni do'a-nya itu di-terima oleh Allah Ta'ala dan Allah membantu-nya dengan segera." Kerana itu orang yang berzakat akan di-balas oleh Allah dengan sa-baik2 balasan di-akhirat kelak, sedangkan di-dunia ia akan di-gandakan harta-nya dan di-senangkan hidup-nya.

TAAT SETIA

Ajaran yang kelima ia-lah taat setia kepada raja dan pemerintah pada perkara2 yang harus dan

pada perkara2 yang tiada membawa melanggar perintah Allah Ta'ala, sa-bagaimana di-terangkan di-dalam hadith2 Nabi s.a.w. Islam menerangkan bahawa umat yang bersatu padu, bekerjasama dan berkasih sayang di-antara pemerintah dengan raayat ada-lah umat yang takut dan kuat. Kerana perpaduan dan persefahaman dalam masaalah tadbir negeri ada-lah merupakan senjata yang paling kuat dan berkesan untuk menolak sa-barang serangan musuh dan membalas kejahatan2 mereka.

PERPECHAHAN

Dari itu Islam melarang segala rupa fitnah dan kachau bilau yang membawa perpechahan dan keruntutan sa-suatu negeri yang membawa raayat negeri itu berpechah belah dan bergelora-nya perasaan umum.

Apabila pemerintah terpesong dari jalan kebenaran maka raayat boleh memberi nasehat dengan chara yang halus dan baik lagi dengan semangat muhibbah dan ikhlas kerana ugama Islam ada-lah ugama nasehat.

Dari itu, mari-lah kita mengamalkan ajaran2 yang terkandung dalam hadith di-atas tadi, mudah2an dengan demikian kita akan di-kurniakan Allah Ta'ala dengan nekmata memasoki shorga-Nya di-akhirat dan beroleh kesenangan dan kebahagiaan hidup di-dunia.

Lengkapkan diri dengan amalan2 yang bermunafaat

MANUSIA ada-lah makhluk chiptaan Allah s.w.t. yang paling sempurna serta mempunyai darjah kemuliaan yang tinggi berbanding dengan makhluk2 chiptaan Allah yang lain. Disamping mempunyai akal fikiran yang bertindak sa-bagai penentu kemuliaan darjat kemuliaan itu, makhluk manusia di-kurniakan dengan rupa bentuk jasmani yang paling sa-imbang sesuai dengan sifat kehidupannya yang banyak mengharungi berbagai2 rintangan, kesusahahan dan penderitaan.

(Di-dalam surah At-Tiin) Allah pernah berfirman yang bermaksud kira2: *"Sa-sungguh-nya kami telah menciptakan manusia di-dalam bentuk rupa yang amat baik, kemudian kami tolongkan-nya ka-tempat yang sa-rendah2 kechuali orang yang beriman dan beramal saleh, maka mereka akan memperoleh ganjaran yang tidak putus2."*

Kehidupan makhluk manusia dengan segala

Bingkisan minggu ini

keistimewaan-nya itu ada-lah melalui proses masa yang berperingkat2 dimana dalam masa ini-lah manusia itu bersiap sedia untuk memasoki peringkat yang lain.

ZAMAN KANAK2

Zaman kanak2 hingga ka-alam remaja mereka ada-lah tempoh masa dimana kanak2 itu menekmati kegembiraan yang amat sangat, maka pada zaman ini-lah ibu bapa wajib memberikan satu bentuk yang wajar sesuai dengan keperluan anak2 itu sama ada dari segi kehidupan beragama, kehidupan bermasyarakat dan bernegara, ia-itu-lah

untuk menyiapkan diri mereka sendiri bagi memasoki alam dewasa-nya. Zaman kanak2 ini mustahak di-amal perhatian, kerana di-sini-lah letaknya asas terpenting bentuk kehidupan mereka di-zaman dewasa-nya.

Zaman dewasa pula ada-lah tempoh yang sepenoh-nya untuk menchurahkan amal bakti terhadap ugama, bangsa dan watan. Dalam tempoh ini-lah juga masa yang sebaik2-nya untuk mengumpulkan bekalan yang chukop bagi memasoki hari2 tua. Manakala zaman tua pula ada-lah masa untuk bersedia menghadapi alam kematian yang pasti akan datang kapada sa-tiap makhluk Allah yang ber-nyawa.

MENGERIKAN

Alam di-zaman tua ada-lah dianggap alam yang amat pahit dan mengerikan, kegembiraan boleh jadi telah hilang pada sa-bahagian orang manakala perasaan rendah diri mungkin menyelubungi kehidupan-nya. Pada tahun ini-lah kebanyakan manusia itu di-timpa kelaianan, tenaga sa-makin berkurangan, rasa sepi terpenchil dan bimbang

menyelubungi fikiran lebeh2 lagi bagi mereka yang kurang persediaan untuk menghadapi hari kematian-nya. Hidup di-tengah2 alam tua ini memerlukan ketabahan dan kesabaran serta kesedaran yang penoh untuk menghindarkan segala macham kebingangan dan rasa rendah diri itu.

Di-sini-lah letak-nya betapa kesihatan jasmani dan rohani serta kewarasan akal fikiran yang di-kurniakan oleh Allah sa-waktu maseh di-peringkat alam dewasa itu di-pergunakan sepenoh-nya dalam semua bidang yang bermunafa'at. Dan sesungguhnya hanya itu-lah sahaja jalan yang dapat memelihara kehidupan damai dan tenteram di-zaman tua tanpa rasa khuatir kapada kebingangan, kesepian dan kekechewaan.

Bagaimana pun bagi mereka yang beriman dan beramal saleh serta yang mempraktikkan ajaran2 ugama, tentu-lah tidak ada satu pun yang harus di-bimbangkan. Mereka bersedia bila2 masa pun untuk menutup mata buat memenohi panggilan Illahi. Mereka tidak bimbang, tidak merasa sunyi dan rendah diri, sebakel-nya sentiasa merasa bahawa kehidupan di-peringkat itu maseh tetap bahagia dan mengembirakan. Kematian bagi mereka sesungguhnya bukan-lah sa-suatu yang menakutkan, kerana sa-bagaimana janji Allah mereka tetap akan menerima ganjaran baik sungoh pun mereka sudah tidak ada lagi di-dunia ini.

Demikian-lah ibarat-nya kehidupan makhluk2 manusia di-antara-nya yang menggunakan sepenoh-nya alam kehidupan mereka pada amalan2 yang bermunafa'at dengan golongan manusia yang menchuaikan

keistimewaan2 yang di-berikan oleh Allah kapada mereka. Sesungguh-nya akan bahagia-lah mereka yang sadar dan insaf, manakala akan bimbang dan merana-lah mereka yang lalai dan terlupa.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 8hb September 1982 hingga ka-hari Selasa 14hb September, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8hb Sept		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55	6.12
9hb Sept		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55	6.12
10hb Sept		12.23	3.39	6.28	7.40	4.40	4.55	6.12
11hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
12hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
13hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11
14hb Sept		12.22	3.38	6.26	7.39	4.39	4.54	6.11

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

BAHAN2 KESENIAN KETENGAHKAN IDENTITI SA-SEBUAH NEGARA

KUALA BELAIT. — Pameran bahan2 yang berchorak kesenian, memainkan peranan penting dalam mengketengahkan sa-sebuah negara ka-mata dunia, sa-bagai sa-buah negara yang beridentiti, penoh dengan nilai2 kesenian dan kebudayaan.

Begitu pula hal-nya dengan Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan yang telah berlangsung di-sini baru2 ini yang di-ungkapkan sa-bagai salah satu acara sempena Perayaan Puja Usia ke-36 tahun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Belait.

Pengetua Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Awang Jumat bin Haji Ampal berkata, pameran itu bertujuan bagi mengasoh dan men-chungkil bakat murid2, penuntut2 dan belia2 di-daerah itu dalam menghasilkan sa-suatu yang bermunafaat demi untuk kebaikan bersama.

Oleh:
Aisah Piee

Menurut-nya, pameran itu juga merupakan satu usaha pehak2 yang berke-naan untuk menghasilkan penuntut2 yang berkelibar dalam bidang seni lukis dan kerja tangan yang berlandaskan nilai2 kehidupan orang2 Brunei.

Pameran sa-lama dua hari itu telah di-buka rasmi oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas, yang juga telah menyam-paikan hadiah2 kepada 100 orang para pemenang dalam pameran itu yang berlangsung di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Kira2 560 buah lukisan dan hasil kerja tangan dalam bahagian lukisan alam benda, alam semula jadi, gubahan fikiran, kerja tangan, archa, abstrak, potret, batek chap kain, coppertooling dan tulisan jawi telah di-pamerkan.

Sa-banyak 11 buah sekolah di-daerah itu telah

mengambil bahagian dalam empat peringkat, ia-itu peringkat Pra-Sekolah, Sekolah2 Rendah dan Persediaan Inggeris, Sekolah2 Menengah Bawah Sekolah2 Menengah Atas dan Dewasa.

Dari jumlah lukisan dan hasil kerja tangan yang di-pamerkan, 400 buah diri-nya telah di-hasilkan oleh murid2 Pra-Sekolah, Sekolah2 Rendah dan Persediaan Inggeris dan Sekolah2 Menengah Bawah.



Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pengiran Haji Abas merasmikan Pameran Seni Lukis dan Kerja Tangan sempena Puja Usia (paling atas).

Dayang Anita Setia dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Pengiran Ali Hassan (atas kanan).

Pengiran Ali Hassan, Pegawai Perubatan, Dato Dr. T. Panch di-iringi oleh Pengetua Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Awang Jumat Haji Ampal menyaksikan lukisan dan hasil kerja tangan yang di-pamerkan.

Penjagaan kesihatan kanak2 perlu di-lakukan sa-chara betul

KUALA BELAIT. — Ibu2 perlu menyedari peri mustahak-nya penjagaan kesihatan anak2 di-lakukan sa-chara betul dan sempurna bagi men-jadikan anak2 itu satu jenerasi yang berguna kerana mereka merupakan khazanah negara yang pal-ing berharga.

Pengerusi Peraduan Kanak2 Sehat Daerah Belait, Dayang Hajjah Halimah bte Abd. Latif berkata, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan beberapa kemudahan perubatan dengan per-chuma untuk raayat dan penduduk negara ini menggunakan dengan sebaik2-nya.

Beruchap di-Peraduan Kanak2 Sehat anjoran Pertubohan Perkumpulan Perempuan WI Daerah Belait yang berlangsung Juma'at lepas, 27hb. Ogos di-Dewan Kemasharakatan di-sini, Dayang Hajjah Halimah menggesa ibu2 mengamalkan sikap yang baik untuk pergi ka-rumah sakit bagi usaha2 pen-chegahan dari serangan, dan bukan hanya pergi un-tok pengubatan sahaja.

Kata-nya, peraduan itu, selain dari merupakan acara Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga

merupakan usaha mengu-judkan kesedaran kepada kaum ibu mengenai kesihatan anak2 mereka.

Kira2 150 orang kanak2 yang berumur di-antara empat bulan hingga dua tahun telah menyertai per-tandingan tersebut. Johan Kumpolan A, Awang Zakry bin Jaini, kedua, Kamella bte Kefli dan tempat ketiga Yuniza bte Mohd. Yunos. Sementara bagi Kumpulan B, tempat pertama di-menangi oleh Noorafizah bte Mutalif, naib-johan Rosmar Haldie bin Omar dan ketiga, Md. Faud bin Md. Husin.

Remie bin Jumat memenangi tempat per-tama Kumpulan C, kedua Marhayani bte Abd. Gani dan ketiga Sofiah bte Yusuf, manakala johan Kumpulan D ia-lah Nuriz-wahna Mohd. Idris, kedua Lo Sze Lan dan ketiga Chia Jie Pei.

Pemenang2 pertama tiap2 kumpulan telah menerima wang tunai sa-banyak \$50.00 sumbangan dari Chartered Bank, sementara semua pemenang2 di-sa-tiap kumpulan menerima piala sumbangan Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Perayaan bagi daerah tersebut. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Siti Zaleha bte Ha-ji Omar. — A.P.

Lengkapkan diri untuk jadi isteri yang sa-benar

KUALA BELAIT. — Kaum wanita di-ingatkan melengkapkan diri supaya menjadi sa-orang isteri dan wanita yang sa-benar2-nya.

Ini memandangkan kerana dengan ketiadaan sifat2 sa-demikian, ia merupakan salah satu pun-cha keretakan sa-sebuah rumah-tangga.

Dayang Madih bte Abdul Hamid ketika ber-uchap di-peraduan dan pameran kraftangan dan masakan yang berlangsung di-Dewan Kemasharakatan di-sini baru2 ini menambah-kata, untuk menjadikan wanita dalam ertikata sebenar-nya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak kendor2 memberikan pe-luang pendidikan dan pelajaran kepada kaum wanita melalui Kelas2 Dewasa dan Urusan Rumah-tangga bagi di-chontohi oleh jenerasi wanita akan datang.

Selaku pengerusi pameran tersebut, beliau menekankan bahawa sa-bagai wanita pewarish zanam-nya, ada-lah perlu mereka bersama-sama kaum bapa dalam mem-

berikan didekan yang sem-purna kepada anak2 bagi mem-pertahankan keselamatan dan kesento-saan bangsa dan negara.

Pameran tersebut di-anjorkan oleh Gabongan Persatuan Kebajikan Perempuan, Persatuan Per-tiwi dan Pertubohan Perkumpulan Perempuan W.I. Brunei Chawangan Daerah Belait, sempena Perayaan Puja Usia Ke-bawah Duli Yang Maha

Lihat muka 7



Gambar bawah menunjukkan isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Siti Zaleha bte Haji Omar menyampaikan hadiah kepada salah sa-orang pemenang, Dayangku Zubaidah bte Pengiran Ahmad. Sem-antara gambar paling bawah kelihatan para hakim sedang menjalankan penghakiman-nya bagi bahagian kuch-much

CHENDERAMATA HARI KEMERDEKAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Tanda Kenang2an sambutan hari Kemerdekaan mengalu2kan sumbangan orang ramai yang berminat untuk menerbitkan tanda kenang2an sa-bagai chenderamata sempena hari Kemerdekaan Brunei.

Setiausaha Tanda Kenang2an Sambutan Hari Kemerdekaan, Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Jadid dalam penerangan ringkas kepada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di Dewan Kuliah Tugu Peringatan Churchill minggu lalu, menyatakan, tanda kenang2an tersebut mestilah merupakan bahan berchetak, bahan bertempa dan bahan berjajit.

Lurikan atau lukisan dalam reka bentuk bahan2 tersebut mesti-lah mengandungi Panji2 Brunei seperti chontoh dalam gambar. Bagi bahan2 yang berwarna boleh-lah di-buboh Bendera Brunei pada tempat2 yang sesuai.

Pada mana2 tempat yang di-fikirkan patut, wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan boleh juga di-masukkan. Bagaimana pun ia-nya mesti-lah gambar2 rasmi yang telah di-keluarkan oleh Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Brunei.

Ada-lah di-sarankan supaya membuboh Seri Kata yang berunsorkan Kemerdekaan seperti BRUNEI MERDEKA, KEMERDEKAAN

Permohonan boleh di-hantar dari sekarang.

BRUNEI atau BRUNEI BERDAULAT. Oleh kerana tarikh tepat bagi hari kemerdekaan belum di-tetapkan elok-lah di-sediakan ruangan bagi memasokkan tarikh pada lukisan (art work).

Bagi mengekalkan identiti kesenian Brunei, Bunga2 Ayer Muleh yang selalu terdapat dalam kerja2 pertukangan Perak Brunei atau pada kerja2 tembaga atau pada kain tenunan Brunei ada-lah di-galakkan bagi menghiasi chenderamata2 tersebut. Kalau boleh elaklah menggunakan bahan berchetak, bahan jenis bunga atau hiasan asing.

Ada-lah perlu di-sediakan dua keping gambar lukisan asal, satu untuk di-hantar kepada pen-chetak2 atau pembuat chenderamata bagi mendapatkan 'quotation' atau tawaran bagi memudahkan kita menaroh harga untuk di-jual dalam borang permohonan dan satu lagi untuk di-hantar kepada Jawatankuasa Tanda Kenang2an sa-telah mendapat tawaran atau quotation. Ada-lah elok di-gambar lukisan2 itu (berwarna bagi yang menggunakan warna, dan hitam putih untuk kerja2 yang tidak menggunakan warna) seperti perak dan pewter.

Borang2 permohonan bagi menerbitkan dan mengeluarkan bahan2 tersebut sekarang boleh di-perolehi daripada

Setiausaha Tanda Kenang2an, Jabatan Muzium di-Kota Batu Brunei.

Tarikh terakhir bagi menerima penyertaan ia-lah pada 31hb. Mach 1983. Bagaimana pun mereka yang sudah mendapat tawaran atau quotation ada-lah di-sarankan supaya menghantar borang permohonan bersama gambar lukisan (art work) kepada pehak jawatankuasa.


Pengiran Hashim menjelaskan yang proses bagi mempertimbangkan permohonan ada-lah memakan masa yang panjang.

"Jika proses tersebut boleh di-selasaikan dengan


secepat-nya segala kesulitan dalam urusan selanjut-nya akan dapat di-atasi", tambah beliau.

Jawatankuasa Hari Kemerdekaan akan menulis surat kebenaran (green light) kepada pemohon untuk menerbitkan bagi mana2 lukisan yang sesuai sa-telah di-teliti. "Bagi yang belum menepati kehendak yang di-perlukan pehak kami akan memanggil penerbit yang berkenaan untuk menerangkan apa2 yang harus di-usai", jelas Pengiran Hashim.


Di-samping itu kata-nya jika ada Tanda Kenang2an yang di-keluarkan tanpa pengesahan dari pehak Jawatankuasa, tindakan akan di-ambil kepada pen-chipta atau penerbit yang berkenaan.



Begini-lah reka bentuk Bunga Ayer Muleh yang di-galakkan untuk di-gunakan bagi menghiasi design chenderamata tersebut.



Ini ada-lah reka bentuk asing yang tidak di-galakkan untuk di-gunakan dalam design chenderamata tersebut.



PEMBAZIRAN AYER: LANGKAH2 KETAT AKAN DI-KENAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bayaran ayer di-negeri ini ada-lah yang paling rendah berbanding dengan negeri2 lain dan, bagaimanapun Kerajaan akan mengenakan peratoran2 dan langkah2 yang ketat bagi mengurangkan pembaziran ayer di-negeri ini.

Ini memandangkan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membelanjakan berjuta2 ringgit bagi membekalkan ayer ka-bandar dan luar bandar semata2 untuk memberi kemudahan kepada penduduk2 di-negeri ini.

Pengarah Radio dan Talivishen Brunei, Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, ketika berucap merasmikan Peraduan Melukis Poster dan Siker Menjimatkan Ayer 82' yang di-anjarkan

Oleh: Muhaimin Haji Mohammad

oleh Jabatan Kerja Raya di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Jumaat lalu.

Awang Abd. Razak berkata pameran yang bertemakan "Ayer Puncta Kehidupan" merupakan satu pengaliran maklumat supaya orang ramai akan dapat menanamkan sifat menjimatkan ayer, berikutan penduduk2 di-negeri ini lebeh banyak menggunakan ayer jika di-bandingkan dengan negara2 lain.

Beliau menguchapkan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya atas inisiatif mereka mengadakan kempen menjimatkan ayer, dan Jabatan RTB akan senantiasa bekerjasama dalam perkara tersebut.

Terdahulu dari itu ucapan alu2an telah di-sampaikan oleh Setiausaha Peraduan, Awang Samat bin Haji Abas.

Hadiah2 kepada para pemenang di-sampaikan oleh Pengarah RTB.

Awang Salleh bin Haji Ibrahim telah memenangi bahagian melukis poster dan Awang Abu Bakar bin Abd. Rahman memenangi bahagian melukis stiker, kedua2-nya dari RTB.

Sementara Ak. Mohammad bin Pg. Haji Damit dari Sekolah Inggeris Berakas telah memenangi bahagian melukis poster sekolah2 menengah dan Awang Johari bin Yusof dari Sekolah Persediaan Inggeris Haji Tarip memenangi bahagian melukis stiker antara sekolah rendah.

Sa-banyak kira2 empat puluh buah lukisan telah menyertai pameran tersebut.

Antara yang hadir di majlis tersebut ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman, selaku Pengerusi Peraduan, Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya, dan pegawai2 kerajaan.



Awang Abd Razak menyampaikan hadiah kepada Awang Salleh bin Haji Ibrahim, pemenang pertama Peraduan Melukis Poster.

Pameran urusan Rumahtangga

Dari muka 6

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bagi Daerah Belait tahun ini.

Dayang Madih berkata pameran itu juga merupakan satu usaha bagi menonjolkan wanita yang maseh kenal periok, wanita yang maseh mahu

ka-dapor, yang tidak jemu2 dengan jahitan dan sungkitan yang penoh dengan kesenian dan keindahan chipta-nya.

Peraduan itu telah mempamerkan gubahan dari berbagai jenis bahan, jahitan dan anyaman, jenis lauk-pauk, kueh-mueh, jenis sirap, serbat dan manisan.

Hadiah kepada pemenang2 peraduan telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Siti Zaleha bte Haji Omar, Datin Dr. T. Panch dan isteri Pegawai Pamerintah Pulis Diraja Daerah Belait, Dayang Armah bte Adam. Majlis tersebut juga telah di-buka bagi kunjungan orang ramai. - A.P.



PEMASANGAN SALORAN2 PAIP

SERIA. — Untuk pemasangan saluran2 paip, Brunei Shell kini sedang menggunakan tongkang pemasang derek "Bar 332" bagi tujuan itu.

Saloran2 paip 16 inci yang ada sekarang di antara kompleks FAWJ-F, Fairley-1, Fairley-3 dan Fairley-4 akan di-tukar dengan saluran2 paip 8 inci, 12 inci dan 20 inci, yang mana akan melibatkan pemasangan kira2 50,000 kaki di-kedua-dua saluran minyak dan gas.

Saloran2 paip 12 inci dan 20 inci yang baru ini nanti akan menyediakan sistem pengangkutan gas ka-steshen yang baru ini. Sementara saluran paip 8 inci di-antara FAWJ-F dan Fairley-3 akan membawa minyak dan gas ka-kilang penapis BSP dan sistem LNG Brunei.

Tongkang pemasang derek "Bar 332" awal minggu lepas telah menyiapkan saluran2 paip 8 inci, dan buat masa ini pemasangan di-lakukan bagi saluran2 12 inci dan sa-telah siap akan di-teruskan memasang paip 20 inci. Ini akan di-ikuti pula oleh pemasangan semula terhadap saluran2 paip 16 inci yang ada sekarang dari FACP-3 ka-FACP-4.

Rancangan pemasangan ini di-jangka akan siap pada awal bulan Oktober tahun ini.



Menara kawalan di-Anduki

SERIA. — Pembinaan ka-atas menara kawalan baru bagi lapangan terbang Anduki bermula di-kawasan Timor kompleks lapangan tersebut.

Menara tersebut akan menggantikan menara yang telah berusia 30 tahun. Menara baru sa-tinggi 60 kaki itu di-bena

dengan kekuatan konkret yang akan menggantikan besi waja yang menampung menara kawalan itu lebih dari 20 tahun.

Tujuan pengantian menara ini di-lakukan ialah bagi mengatasi akan bertambah-nya ketegasan yang di-letakkan ka-atas bantuan penerbangan bagi operasi2 luarpantai, yang mana mengakibatkan bertambah-nya alat2 kelengkapan dan peringkat kakitangan yang tidak mencukupi dari bilek kawalan yang terlalu sempit. Ia-nya bertujuan untuk meninggikan kategori lisen penerbangan yang bererti menara sekarang terletak terlalu dekat dengan landasan dan mesti-lah di-robuhkan apabila menara baru siap.

Selain pembinaan menara, lebih lerengan di-lapangan itu yang di-bena dalam tahun 1962 dengan besi waja juga akan di-tukar dengan yang baru.

Semua kerja2 rangka permulaan tersebut di-jangka akan siap dalam bulan Julai tahun 1983.

"Tiga kali" mulakan perkhidmatan

SERIA. — Dengan ketibaan sa-buah tongkang penggalian "Tiga Kali" minggu lepas, bermakna bertambah lagi jumlah rig2 tongkang2 penggalian yang berkhidmat di-luar pantai bagi Sharikat Minyak Shell Brunei.

Tongkang itu, yang telah di-borong dari Petrodrill Berhad, ada-lah di-reka bentuk bagi kerja2 di-ayer yang dalam-nya sahingga 400 kaki.

"Tiga Kali" ini, amat penting sekali bagi Sharikat Penggalian Petrodrill Berhad. Ini kerana, pemborong ini mula2 datang ka-Brunei

11 tahun dahulu sa-bagai Sharikat Penggalian Padang Antarabangsa dengan rig naikan "Earl Rowe-San Antonia" dan berada di-sini sa-lama dua tahun, dan kembali lagi di-tahun 1974 sa-bagai Sharikat Aquadril dengan pelantar bersendirian "Aquadrill 1", kemudian meninggalkan Brunei sa-lama dua tahun lagi. Sekarang sharikat itu kembali lagi bagi kali yang ketiga sa-bagai Petrodrill Berhad dengan tongkang "Tiga Kali".

Marathon Letourneau Off-Shore Private Limited, Singapura ada-lah yang bertanggung-jawab ka-atas pembinaan "Tiga Kali"

yang juga membena tongkang penggalian "Tenaga" kepunyaan BSP.

Tongkang "Tiga Kali" mempunyai tempat tinggal untuk 120 orang termasuk tiga bilek makan, dua bilek rehat, bilek sakit dan makmal lumpor. Disamping di-lengkapi dengan alat keselamatan dan lain2 keperluan yang mustahak saperti alat2 pemadam api dan alat2 pernafasan. Dan lain2 alat termasuk-lah sistem memproses data jenis Matrin Decker.

Buat masa ini, "Tiga Kali" telah pun berada di-kawasan di-Padang Magpie.

Kerja2 pembenaan jalan lanchar

SERIA. — Kerja2 pembenaan bagi kilang penapis Seria yang baru kini sedang berjalan dengan lancar.

Dengan kira2 2000 cubic meters semen telah di-gunakan dan bermula-lah pendirian karangka steel bersama2 dengan pembenaan ka-atas paip2, dan pendirian ka-atas peralatan induk yang akan di-mulakan bulan ini.

Kesemua 19 tangki tersebut kini sedang di-dalam pembenaan dan lima daripada-nya hampir siap.

Satu pengenalan yang boleh di-tampilkan ka-atas kilang penapis itu ia-lah satu alat yang di-panggil A.P.I. Separator.

Pembenaan "separator" itu yang berukuran 58 meter panjang, 18.5 meter lebar dan

dalam-nya kira2 5 meter punya beberapa masalah yang menarek. "Sheet piling" yang berukuran 12 meter panjang diperlukan untuk di-tanamkan di-sekeliling sudut pembenaan untuk memastikan terjamin-nya keselamatan pekerjaan di-dalam ruangan2 yang di-khususkan pada "dalam" yang di-perlukan.

Di-dalam lampiran steel yang di-tanamkan "dinding" sudut2 telaga yang panjang-nya tujuh meter membolehkan kerja2 pengorekkan kering. Sistem "wellpoint" itu di-reka khas untuk dapat bertahan daripada jumlah dan tekanan ayer di-dalam tanah. Tekanan ayer bumi dan peringkat-nya juga ada kesan daripada surat dan pasang-nya perayeran Lautan China Selatan yang berdekatan.



SATU majlis jamuan sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-36 tahun telah diadakan di-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-Kuala Lumpur baru2 ini.

Wakil Kerajaan Brunei, Awg Mohd Kassim bin Haji Johan, ketika berucap di-majlis itu (kiri) menyatakan, disamping untuk memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, majlis tersebut juga akan memberikan kesempatan kepada pegawai2 Kerajaan dan penuntut2 Brunei yang sedang berada di-Malaysia berkenalan mesra dan bertukar2 fikiran.

Antara yang hadir di-majlis tersebut ia-lah Awg Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup, Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Setiausaha Kerajaan dan Malai Haji Ahmad Murad bin Malai Haji Mashore, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, yang kebetulan berada di-Kuala Lumpur dalam perjalanan mereka ka-Niger, Afrika untuk menghadiri Persidangan ke-13 Menteri2 Luar Pertubuhan Islam (gambar kanan)

Pada masa ini terdapat kira2 100 orang pegawai dan penuntut Brunei mengikuti berbagai kursus dan latihan di-Semenanjung Malaysia. — Berita dan gambar kiriman Timbang Bakar.





Pasokan Hadrah
Pemuda Pemudi Kampong Ujong Tanjong telah berjaya menjadi johan dengan mengalahkan lawan pasokan lain dalam pertandingan akhir hadrah seluruh negeri yang telah berlangsung di-Pusat Belia di-ibu negeri pada hari Ahad, 22hb. Ogos lepas. (gambar atas kiri Ketua Pasokan tersebut menerima hadiah).

Naib johan ialah pasokan hadrah Seri Bakti Mufakat, Kg. Sungai Kebun dan pasokan Laila

Perdana, Kg. Setia Negara di-tempat ketiga. Semua sembilan pasokan yang terpilih bertanding ada-lah dari daerah Brunei Muara.

Dalam pertandingan yang di-anjarkan oleh Persatuan Bahteramu sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM itu, juga telah di-adakan peraduan mendeklamasikan sajak yang hanya terbuka kepada peserta2 di-Daerah Brunei Muara.

Pg. Aji bin Pg. Md. Tahir dari Kg. Pekan Lama (gambar kanan) telah menjadi johan dan di-ikuti oleh Dk. Normah bte Pg. Tuah wakil dari Jabatan Pelajaran dan ketiga Awang Talib bin Ibrahim dari Maktab SOAS.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pg. Badaruddin bin Pg. Ghani telah merasmikan pertandingan tersebut dan menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2. —MHAR.

Jadual Menyembor Ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyemboran DDT dan pengambilan chontoh2 darah untuk menchegeh kedatangan sa-mula penyakit Malaria yang dijalankan tiap2 bulan oleh Jabatan Perubatan bahagian Kesihatan, Brunei akan di-teruskan lagi bulan September ini.

Pada hari ini, 8hb. September Pegawai Perubatan tersebut akan berada di-Kampung Batang Perhentian di-Daerah Brunei dan Muara, untuk memulakan penyemboran DDT, dan pada 4hb. September di-Kampung Wasan.

Penyemboran itu akan di-teruskan di-Daerah Tutong pada 11hb. September ia-itu di-Kampung Bang Bingol, 13hb. September di-Kampung Litad, 14hb. September di-Kampung Bukit, 15hb. di-Kampung Long Tadian, 16hb. September di-Kampung Melaboi dan Pk. Panchor, 18hb. di-Kampung Bang Ligi dan di-Kampung Merimbun pada 20hb. September, 1982.

Pada 21hb. September di-Kampung Sungai Damit Ulu dan Pk. Doun juga di-daerah Tutong, 22hb. September di-Kampung Belunu dan Pk. Doun, 23hb. di-Kampung Ukong dan di-Kampung Pk. Raan, Nong Angeh, Tong Kundai pada 25hb.

September dan sa-terus-nya di-Kampung Pitou Lambang, Pak Bidang, Talat pada 27hb. September. Akhir sekali penyemboran DDT pada bulan ini akan di-lakukan di-Kampung Bang Pangan, dan Sungai Damit Pemandang pada 28hb. September, 1982.

Sementara pengambilan chontoh2 darah akan di-lakukan di-Daerah Tutong, ia-itu di-Kampung Tanjong Dangar dan Kampung Batang Belulop pada 9hb. September, di-Kampung Panchong dan Pk. Pitou pada 11hb. Di-Kampung Kuala Ungar dan Batang Pitan pada 13hb. September, 14hb. di-Kampung Bang Bingol, 15hb. di-Kampung Litad, 16hb. di-Kampung Bukit dan 18hb. di-Kampung Long Tadian.

Sa-terus-nya di-Kampung Melaboi dan Pk. Panchor pada 20hb. September, di-Kampung Bang Ligi 21hb. Di-Kampung Merimbun pada 22hb, di-Kampung Ukong 23hb, di-Kampung Pk. Raan, Nong Angeh dan Tong Kundai pada 25hb. dan akhir sekali 27hb. September di-Kampung Talat.

JANGAN CHAMPOR-ADOKKAN PERMAINAN HADRAH DENGAN UNSOR2 KEMODENAN

Oleh:
Aisah Piee

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penyebar permainan hadrah di-ingatkan supaya tidak menchampur-adokkan permainan tersebut dengan unsor2 kemodenan yang boleh merosakkan imej dan prestasi-nya.

Apa yang di-harap ialah supaya retak pukolannya tetap dengan keasliannya, tanpa di-gaul atau di-aur dengan rentak dangdut atau disk, penoh berisikan kata2 nasihat dan ajaran2 Islam dan tidak berunsorkan chinta yang rendah mutu-nya.

Demikian di-tekanakan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghanr, ketika berucap merasmikan Pertandingan Hadrah dan Deklamasi Sajak anjoran Persatuan BAHTERAMU yang berlangsung di-Pusat Belia di-sini baru2 ini.

Hadrah, menurut-nya, berasal dari Negeri Parsi dan di-gunakan oleh orang2 Arab untuk menyambut kedatangan

Nabi Muhammad s.a.w., yang mana di-samping itu di-katakan sa-bagai pen-dorong memberi semangat kepada tentera2 Islam menentang musuh. "Dan kedatangan hadrah sa-waktu pengaruh Islam bersemarak, memberi nafas baru dan meluaskan pengaruh Islam di-rantau ini," tambah-nya.

Pengiran Badaruddin mengingatkan, jika permainan hadrah itu dapat di-kekalkan dengan kualiti keasliannya, beliau yakin dakwah Islamiah dapat di-sebarkan melalui permainan ini.

Kata-nya, ada-lah patut kita meneruskan dan melipat-gandakan usaha2 gigih ka-arrah pengekaln dan perkembangan permainan hadrah agar chiri2 kebudayaan nasional dapat di-tanam dengan subur-nya di-jiwa jenerasi muda dalam usaha membentok jalama Brunei yang unik dan menarik.

"Dan sa-bagai satu bangsa dan negara yang berdaulat lagi penoh merdeka, kita perlu mengukor sa-tiap kemajuan dengan ukoran materialistik dan juga ukoran kerohanian. Samakin kita maju maka samakin bertambah sempurna-lah chara hidup dan berfikir kita, bagi membentuk jalama Brunei yang sempurna akal fikiran dan kehidupan jasmания-nya," ujar-nya. — AP.

Berkursus di-Oxford

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Protokol di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Pengiran Anak Puteh Ibtisam YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam telah bertolak ka-United Kingdom pada 5hb. September, yang lalu untuk mengikuti kursus dalam bidang diplomacy di-Oxford University sa-lama sa-tahun akademik.

Ketetapan harga barang keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga2 barang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 8hb. September, 1982.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$23.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Hock Huat
No. 62 Jln. McArthur.
2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chee Guan
No. 4 Jln. McArthur
Hen Loong
No. 31 Jalan Sultan.
Ming Thai Company
No. 32 Jln. Sultan
3. KACHANG TANAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Sharikat Hj Abd Rahman
No. 94, Jalan Chevalier.
Hen Loong
No. 31 Jln. Sultan
Sin Guan Lee
No. 74 Jln. Roberts

KUALA BELAIT

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Koh Kit Hin
No. 28 Jalan Pretty.
Chang Seng Hong
No. 103 Jln. McKerron

2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop How Min
No. B Chinese Chambers Of Commerce
3. KACHANG TANAH — \$1.50 sa-kati
Ng Ming Hong
No. E Chinese Chambers of Commerce.
Guan Heng
No. 30 Jln. Sungei
Chop Yee Seng
No. 46 Jln. Pretty

SERIA

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$25.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut:—
Chop Koh Seng Hang
No. 17 Jln. Sultan Omar Ali
2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company
No. 9 Jln. Sultan Omar Ali
Sim Fatt Hin
No. 74 Jln. Bunga Kuning
3. KACHANG TANAH — \$1.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
Hudson Company
No. 9 Jln. Sultan Omar Ali

LIGA PIALA AZIZ

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan liga bolasepak Piala Aziz pada tahun ini bagi kali yang kedua akan di-kendalikan oleh Jabatan Pelajaran.

Perlawanan ini terbuka kepada johan2 bolasepak Jabatan Kerajaan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Pg. Ibrahim bin Pg. Damit, Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidikan Jasmani. Borang2 tersebut hendak-lah di-

kembalikan kepada pehak penganjur tidak lewat dari 11hb. Sept ini. Sa-tiap pasokan yang akan menyertai perlawanan ini di-kehendaki menyumbangkan wang penyertaan sa-banyak \$300.00. Sementara tarikh dan tempat perlawanan akan di-beritahu kemudian.

Perlawanan liga bolasepak Piala Aziz pada tahun lepas telah di-menangi oleh Jabatan bandaran.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak dari 8hb hingga 14hb September

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis	8.9.1982	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	8.9.1982	Rabu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Masin	8.9.1982	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	11.9.1982	Sabtu	8.30 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	11.9.1982	Sabtu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Sengkurong	11.9.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	11.9.1982	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	11.9.1982	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	11.9.1982	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan Berakas	13.9.1982	Isnin	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	13.9.1982	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	14.9.1982	Selasa	8.30- 9.30 pagi
	14.9.1982	Selasa	10.30-11.30 "



Radio minggu ini:

RADIO SA-BAGAI PENYAMBONG

BARU beberapa detik berlalu, keindahan, keriangan sudah pun selamat sempurna kita lalui, detik2 perayaan puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan selamat kita jalankan, juga selamat kita ucapkan dengan iringan do'a rabbul izzati di atas pemergian jemaah2 haji kita ka-tanah suci Mekah-Makatul Mukarramah.

Kini suasana baru akan tetap silih berganti, bak kata yang patah pastikan tumbuh, yang hilang akan berganti, begitu-lah putaran alam, kerana itu, dimana2 pun jua pehak radio khusus-nya dan orang2 radio umum-nya akan tetap silih-berganti menghubungkan pendengar dengan apa juga bentuk ranchangan, dengan apa juga bentuk peristiwa, dengan apa juga bentuk alam suka dan duka. Baik perkhidmatan untuk negara, masyarakat mahu pun perseorangan, radio akan tetap menghubungkan-nya melalui churong micropon atau studio-nya. Dari perkara yang 'sekubit'-nya, apatah lagi yang 'segabah'-nya. Maka radio akan sentiasa menyumbangkan

bunyi2-nya untuk haluan pendengar.

Dalam arena penyiaran ini, radio akan mengungkapkannya lagi siaran liputan sechra langsung-nya di-pembukaan rasmi Ibu Pejabat Sharikat Shell Brunei Berhad (SMSBB) pada 11hb. September, 1982 mulai jam 9.00 pagi sahingga selesai-nya upacara tersebut. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan berkenan untuk menyempurnakan pembukaan rasmi ibu pejabat tersebut.

Itu-lah suasana yang sering bertukar2 di-ungkapkannya oleh orang radio, di-mana juga sesuatu peristiwa itu berlaku. Tidak kira dalam hujan dan panas, ka-ulu ka-hilir, cherok dan rantau negara kita, ia-nya tidak akan tersisih di-hubungi oleh radio demi untuk pengetahuan di-segenap lapisan rakyat dan penduduk di-negeri ini, apatah lagi perkembangan negara yang berlaku di-sekitar-nya. Radio akan sentiasa menjadi penyambung dan penghubung antara dua alam penyiar dan pendengar.

Resepi minggu ini:


KEK LAPIS BUAH CHERRY

Bahan2-nya:—

- 10 biji telur
- 16 ozs mentega
- 1 tin susu manis
- 1 botol kecil horlick (atau 1 gelas horlick)
- 2 gelas tepong roti gala
- 1 tin serikaya (kechil)
- 1 gelas gula halus
- 1 bungkus cherry merah/hijau
- 1 sudu teh vanilla

Chara membuat-nya:—

Pukul puteh telur dengan gula sampai kembang baru masokkan telur kuning sampai habis. Mentega dan susu manis dan juga serikaya di-satukan, gaul rata baru-lah masokkan dalam adunan telur. Horlick disatukan dengan tepong roti dan masokkan dalam adunan telur dan ayer wangi. Buat-lah warna suka hati dan kukus berlapis dengan di-tabor cherry. Lapis seperti biasa.



Siri ke-21 ranchangan Uji-lah Bahasa Kita yang akan di-siarkan pada hari Jumaat 10hb. Oktober, 1982 jam 10.30 pagi akan di-muatkan dengan perlawanan di-antara sekolah2 Menengah Bawah. Sekolah2 yang mengambil bahagian ia-lah SMM Bendahara Sakam Bunot, bertemu dengan SMM Arab Lelaki (gambar atas).

Sekolah mana-kah yang berjaya dalam perlawanan Uji-lah Bahasa Kita dalam siri ini, awda pelajar jangan lupa untuk mengikutinya.



GABONGAN dua kumpulan priswa tempatan, yang turut menjayakan pesta ria anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei, sempena sambutan puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-36 tahun bagi Dacrah Temburong. Mereka ia-lah Gellin Hamid, Idris Ahmad, Zaini Haji Abd. Wahab dan Haji Ahim Hj. Ibrahim sedang memperbualkan sa-suat.

Sandiwara radio:

CHINTA BERBUNGA

DI-KEBUN BUNGA

CHINTA BERBUNGA DI-KEBUN BUNGA tulisan Ismat Brunei ada-lah sa-buah sandiwara yang berthemakan chinta. Chinta yang bermula dari pertemuan di-kebun bunga.

Faridah dan Kasman mula berkenalan ketika kedua-nya berada di-kebun bunga dan sama2 bertujuan untuk membeli bunga. Kerana minat yang sama dan persesuaian itu, akhir-nya mereka bersatu dalam ikatan perkahwinan.

Malang-nya, sa-telah berkahwin, Faridah lebih mementingkan hobi-nya daripada melaksanakan tanggung-jawab-nya sa-bagai isteri dan ibu. Kerana bunga2 itu-lah juga rumah tangga-nya tidak terus dengan sempurna seperti apa yang sepatutnya.

Kerana tabiat dan kekhuaian Faridah ini-lah Kasman berubah hati. Kalau dulu dia juga sa-orang penchinta keindahan bunga2, tapi sekarang hati-nya tidak serupa dulu lagi. Ia menjadi benchi melihat bunga2 yang menghiasi rumah-nya. Sa-hingga ia berazam untuk memusnahkan semua bunga2 itu.

Dengan tekanan perasaan itu, Kasman chuba mencari ketenangan di-luar rumah. Dia sering membawa Zuriah teman sa-pejabat-nya pergi bersiar2 dan tidak mahu berusaha untuk memperbaiki kedudukan rumah tangga-nya, lebeh2 lagi dalam keadaan Faridah dan Wati anak mereka yang kurang sehat itu.

Sebaik-nya, Kasman berprasangka burok terhadap isteri-nya, apabila Murni sa-orang penjual bunga dan kebetulan bekas teman Faridah itu memberikan pertolongan menghantar-nya ka-rumah sakit. Keadaan yang tegang itu bertambah tegang lagi.

Apa-kah kesudahan dari kisah ini? Dapat-kah rumah-tangga ini di-selamatkan dari terus runtuh? Ikuti-lah Sandiwara Radio Minggu Ini yang akan di-siarkan pada hari Ahad 12hb. September, 1982, jam 10.30 pagi.

RANCHANGAN TVP — DARI 13HB HINGGA 19HB SEPT, 1982

ISNIN — 13HB SEPT

PAGI

- 8.50 LOOK, LISTEN & SPEAK 22 (A Visit To The Library)
Dalam ranchangan minggu ini murid2 akan di-bawa mengikut lawatan Gani dan Jay Jay ka-Bilek Perpustakaan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Di-Magic Pool murid2 akan di-ajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'V'.

- 9.20 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 3)

Ranchangan ini ada-lah ranchangan ketiga dari siri ranchangan Letrik. Dalam ranchangan ini murid2 akan belajar lebeh lanjut bagi mengenai letrik arus. Letrik arus di-keluarkan oleh puncha tenaga. Salah satu puncha tenaga itu ia-lah janakuasa. Siapa-kah yang menchipta janakuasa itu? Bagaimanakah arus letrik sampai ka-rumah kamu? Apa-kah perkara2 yang tidak patut di-lakukan terhadap perkakas2 letrik? Ikuti-lah ranchangan ini untuk jawapan-nya.

- 10.30 KAP KAP UDANG 693
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti NAIK KUDA, KATA SI-MANIS, LIHAT DAN PERHATI, BERSENA, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 693

SELASA — 14HB SEPT

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN & SPEAK 22 (A Visit To The Library)
- 9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 3)
- 10.30 KAP KAP UDANG 694
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MAIN BAKUL, GAMBAR DARI RUMAH, TEKA BUNYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 694

RABU — 15HB SEPT

- 8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN & SPEAK 22 (A Visit To The Library)
- 9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 3)
- 10.30 KAP KAP UDANG 695
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, SI-AMIN, MAIN BOLA, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 695

KHAMIS — 16HB SEPT

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 696
Ranchangan hari ini di-muati dengan

aktiviti2 seperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENA, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 696

JUMAAT — 17HB SEPT

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 18HB SEPT

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 697
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, YANG MANA GANJIL, PA'LONG, BERSENA, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 697

AHAD — 19HB SEPT

PETANG

- 4.30 Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-nya, SI-AMIN, NAIK KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajuk cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-PANJANG.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 8HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 NATURE WATCH : "Man and Wildlife"
- 5.30 BLACK STAR
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 JOE'S WORLD
- 6.28 AZAN MAGHRIB
- 6.32 PRETENDERS: "Fare Thee Well" (Episod Terakhir)

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KING'S CROSSING : "Triangle"
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.46 KING'S CROSSING — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 8.35 ONE OF THE BOYS: "One of The Boys"
Penuntut Adam Smith mendapati nenek-nya berumur 66 tahun "terlalu muda" untuk di-masokan ka-rumah orang2 tua; seterusnya membawa beliau tinggal bersama-nya yang menyebabkan roommate-nya jadi gelisah.
- 9.25 QUINCY: "For Love Of Joshua"
Penyiasatan Quincy mendapati sa-orang mangsa "hit and run" bukan-lah kemalangan tetapi satu pembunuhan.
- 10.15 TAYANGAN GAMBAR "Miracle On Ice"
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 9HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONE FROLICS
- 6.28 AZAN MAGHRIB
- 6.32 WILD KINGDOM "Moose Airlift"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY "The Dorian Secret"
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 BUCK ROGERS — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 HIDAYAT
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.35 THE MANIONS OF AMERICA
- 10.35 MORECAMBE AND WISE SHOW
- 11.05 MINDER: "You Need Hand"
- 11.55 THAT'S HOLLYWOOD
- 12.25 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 10HB SEPTEMBER

TENGAHARI

- 12.00 LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 12.12 SUSUNAN RANCHANGAN

- 12.15 TAKZIR
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT
- 12.50 KHUTBAH

PETANG

- 1.00 HIDAYAT (Ulangan)
- 1.25 GAMES PEOPLE PLAY
- 2.30 THE BIG VALLEY : "Fall Of A Hero" (Episod Terakhir)
- 3.15 IN PERSON: Paul Cheong
- 3.39 AZAN ASAR
- 3.42 IN PERSON — Sambongan
- 4.00 KUNTUM SENI
- 4.20 KAP KAP UDANG
- 4.50 MUNCH BUNCH : "The Lucky Dip"
- 5.10 SONG BOOK
- 5.30 DR WHO "The Leisure Hive"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKED FOR IT
- 6.28 AZAN MAGHRIB
- 6.32 ABC CHILDREN INTERNATIONAL: "Valentine's Second Chance"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 JESSICA NOVAK : "Mirrorful of Gamblers"
Apabila Jessica membuat liputan tentang perjudian, dia telah tertarik dengan sa-orang pejudi professional.
- 7.40 AZAN ISHA
- 7.44 JESSICA NOVAK — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 IRAMA DAKWAH/RANCHANGAN TIGA MINIT
- 9.05 DRAMA: "Kalau Hendak Seribu Daya" No.2 (Ulangan)
- 9.35 MARRIED: THE FIRST YEAR "Second Thoughts"
- 10.35 KEEP IT IN THE FAMILY: "Takeaway Sunday"
- 11.05 GUSTI
- 11.35 THE NEW TOM JONES SHOW
- 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 11HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE ALL NEW POPEYE SHOW
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.30 WORLD OF BIRDS: "Vanishing Partridge"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M. D. : "Tis The Season" Sa-orang pesakit tidak hiraukan rawatan untuk penyakit-nya malahan terlalu "ingaukan" sa-orang pesakit kanak2 berumur 11 tahun yang berkehendakan sa-jenis darah yang kejarangan.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.46 TRAPPER JOHN — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL

- 8.55 MARI MEMASAK: "Kek Lapis Buah Cherry"
Resepi-nya ada di-siarkan di-muka lain akhbar ini.
- 9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA "Tiga Janggo"
- 10.55 TAYANGAN LARUT MALAM "Creatures of Destruction"
- 12.25 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 12HB SEPTEMBER

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.15 BUGS BUNNY : "How Bugs Bunny Won The West"
- 2.45 THE JEFFERSONS
- 3.10 BIG LEAGUE SOCCER
- 3.38 AZAN ASAR
- 3.41 BIG LEAGUE SOCCER — Sambongan
- 3.55 LITTLE KIDS DYNAMITE ALL STAR BAND/MEMORIES OF A FAIRY GODMOTHER
- 4.25 KAP KAP UDANG
- 4.55 FIRST AID :
- 5.10 THE BRENDON CHASE : "The Storm"
- 5.40 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRADY KIDS "It Ain't Necessarily Snow" Greg menerima chabaran Chuck untuk berlumba ski. Dia bukan sahaja tidak pandai berski malahan Chuck ada-lah pakar dalam hal ini.
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.30 HARPER VALLEY "Stella Della"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SHANNON "Secret Rage"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 SHANNON — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ASLIRAMA No. 4 (Sa-paroh akhir)
- 10.00 THREE'S COMPANY : "The Party's Over" Mr. Roper menghentikan satu party kelolaan bertiga. Mrs. Roper marah dan pergi ke-mumah adek-nya. Roper menyedari kesilapan-nya dan akhir-nya yang bertiga menemukan mereka kembali.
- 10.30 WINSTON CHURCHILL No. 2
- 11.30 TALES OF THE UNEXPECTED/ ARMCHAIR THRILLER
- 12.00 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 13HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 MUNCH BUNCH : "Pete Pepper Joins In" (Episod Terakhir)
- 5.15 THE ALL NEW PINK PANTHER SHOW
- 5.35 CAMP WILDERNESS SPECIAL.
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THAT'S INCREDIBLE
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.30 THAT'S INCREDIBLE — sambongan



Helen Shaver sa-bagai Jessica Novak dengan jurukamera Andrew Rubin (berdiri) dan jururakam suara Eric Patrick, kedua-nya field crew dalam siri ranchangan JESSICA NOVAK sekarang di-tayangkan sa-tiap hari Jumaat kira2 jam 7.20 malam.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON : "The Least Dangerous Game" A.J. dan Rick menyerupa sebagai pekerja zoo untuk menyiasat kematian sa-ekor binatang oleh sa-ekor singa.
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 SIMON AND SIMON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 8.55 JOE DANCER: "The Monkey Mission" Bhg I
- 9.40 COSMOS
- 10.40 HOUSE CALL (Siri Baru)
- 11.15 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 14HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 MAGIC STAR TRAVELLER
- 5.30 THE BROTHERS LIONHEART
- 5.45 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NATURE OF THINGS : "China" Bhg. 2
- 6.26 AZAN MAGHRIB
- 6.30 NATURE OF THINGS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CODE RED : "Trail By Fire"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.42 CODE RED — Sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 PERASMIAN IBU PEJABAT BARU SHELL.
- 9.00 VEGAS "The Killing"
- 10.10 TAYANGAN GAMBAR "Fallen Angel"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

ranchangan 2 RADIO

WAKTU SIARAN :

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 441 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP2 HARI :

PAGI :

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
1.00 Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib.

MALAM

10.15 Bachaan Al-Kor'an
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA :

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU

8HB SEPTEMBER

PAGI: 7.30—Sudut Pelita, 8.30—Taman Mekar (SU), 9.00—Permintaan Pagi Rabu, 10.15—Rampaijan Joget, 10.30—Rimba Raya, 10.45—Riang Ria, 11.00—Dendang Mike Ibrahim, 11.30—Autograph Pendengar. T/H: 1.30—Hiboran. PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Hiboran, 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15—Irama Petang, 4.30—Bangsawan Di-Udara (Hikayat Malim Deman), 5.00—Serbanika Hiboran, 6.15—Bingkisan Hari Ini, 6.25—Senandong Senja. MALAM: 7.00—Rangkaian Lama dan Baru, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45—Kenangan Mengusik Jiwa.

HARI KHAMIS

9HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Hiboran Untuk Adek-Adek (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Penglipor Lara, 10.30—Rampaijan London, 10.45—Aneka Lagu, 11.00—Permintaan Sukaramai. T/HARI: Chitra Wara (SU). PETANG: 2.00—Puspasari, 2.30—Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Rimba Raya (SU), 3.50—Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30 Soal Jawab Agama, 5.00—Lagu2 Berirama Gambus, 6.15—Irama Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Bachaan Surah Yassin, 7.15—Lagu2 Asli, 8.30—Bimbingan Al-Kor'an, 9.00—Tafsir Al-Kor'an, 9.45—Hidayat.

HARI JUMAAT

10HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15—Soalan Di-Udara, 10.30—Uji-lah Bahasa Kita, 11.00—Lagu2 Asli, Zapin dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). T/HARI: 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15—Bachaan Al-Koran, 12.30—Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15—Lagu2 Nashid, 1.45—Lagu2 Padang Pasir. PETANG: 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30—Bintang2 Awda, 3.15—Hiboran, 3.20—Apa Pendapat Awda, 3.30—Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00—Surat dari London, 4.15—Hiboran, 4.30—Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15—Sayu Dan Merdu, 5.45—Tinjauan (SU), 6.15—Lagu2 Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Cherpen dan Salokan, 8.30—Bahas/Kuiz, 9.00—Soal Jawab Agama (SU), 9.45—Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU

11HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Pelajaran Dewasa Di-udara, (SU), 9.00—Riang Ria, 9.15—Soalan Di-Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari, 11.30—Hiboran Untuk Adek2. T/HARI: 1.30—Lagu2 Dari Film, 1.45—Selingkar Madah. PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Apa Pendapat Awda (SU), 3.30—Cherpen dan Salokan (SU), 4.00—Mutuara Asli (SU), 4.30—Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 5.45—Senandong Senja, 6.15—Lagu2 Asli, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Hiboran (SU), 9.00—Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45—Uji-lah Bahasa Kita (SU).

HARI AHAD

12HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Majallah Radio, 9.00—Taman Mekar, 9.30—Suara Kugiran, 10.15—Titian Budaya, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00—

Mutiara Asli, 11.30—Dunia Wanita. T/HARI: 12.00—Tahniah dan Uchap Selamat, 12.32—Hiboran Untuk Awda, 1.00—Pertandingan Aslirama. PETANG: 2.00—Bahas/Kuiz Sekolah2, 2.30—Hiboran, 3.10—Panduan Sokan, 3.20—Irama Gembira, 3.30—Majallah Sokan, 4.00—Chitra Wara, 4.30—Tetamu Radio, 5.00—Hiboran, 6.15—Irama Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Hiboran Ria, 8.30—Suara Parajurit, 9.00—Puspasari (SU), 9.45—Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama dan Baru).

HARI ISNIN

13HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Serbanika Hiboran, 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Dengan-Ku, 10.30—Sains dan Perusahaan, 11.00—Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30—Hiboran. PETANG: 2.00—Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30—Hiboran, 3.15—Rampaijan Joget, 3.30—Mari Berpantun (SU), 4.00—Dendang Remaja, 4.30—Ruangan Ketani, 5.00—Pilihan

Juruhebah, 6.15—Senandong Senja, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Senandong Ria, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Ku Tujukan Lagu, 9.45—Langgam Suara.

HARI SELASA

14HB SEPTEMBER

PAGI: 8.30—Suara Parajurit (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Permintaan Kaum Wanita, 10.15—Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30—Rampaijan London, 10.45—Lagu2 Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar (SU), 11.30—Gazal. T/HARI: 1.30—Lukisan Masharakat (SU). PETANG: 2.00—Ku Sampaikan Salam, 3.15—Gema Silam, 3.30—Suara Kugiran (SU), 4.00—Bintang2 Awda (SU), 4.30—Belia Mewakili Zaman-nya, 5.00—Varia Peristiwa, 5.15—Sayu dan Merdu, 6.15—Lagu2 Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Ruangan Ketani (SU), 7.30—Majallah Radio, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.00—Fukas Radio (SU), 9.45—Selingkar Madah (SU).

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

MEI LING'S MUSIC NIGHT
8.00 Easy listening music
8.45 Light orchestral music
9.30 Classical Music.

Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow

Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven—except Fridays and Sundays.
12.00 Lunch Break until 1.30—except Fridays and Sundays

HOLIDAYS—Friday

A.M.
11.00 Battle of Words: St. George's Vs. STPRI (repeat)
11.30 Children's Half Hour

8.45 Stereo Pop Special "XTC" Side 2

9.30 Country Club—5

Saturday

P.M.
8.00 Melody Time
8.45 Animal, Vegetable or Mineral (repeat)
9.30 Top Of The Pops.

Monday

8.00 This Is My Song (repeat)

12.00 Soundtrack of The Sixties

12.45 My Music
1.15 15-Minute Theatre: "Falling" Jonathan Raban

8.00 The World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 An Evening with Cliff Richard—1

Sunday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 This Is My Song
11.45 London This Week

8.45 Up The Belait Without A Paddle—with guest Roger Caine—64

9.30 All That Jazz—14.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood

12.00 Animal, Vegetable or Mineral
12.45 Interlude for Music
1.00 Top of The Pops.

STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Battle of Words 1982—PTE Vs. St. George's (Upper)
8.30 English Examined
8.45 Science Pop
9.30 Drama: The Detective by Robert Bar "The Do-It-Yourself Job"



Temasha lumba perahu

Oleh: Muhaimin Hj. Muhammad.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lumba Perahu dan Motor Sangkut merupakan salah satu acara perayaan yang sering diadakan di setiap tahun di negeri ini. Sempena Menyambut Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Temasha lumba perahu pada tahun ini telah berlangsung di Sungai Brunei pada hari Ahad, 29hb. Ogos lepas.

Sa-banyak 13 acara telah dipertandingkan pada hari itu termasuk perlumbaan berpasukan dan perseorangan.

Acara kemuncak dalam perlumbaan tersebut ialah lumba perahu 15 orang sa-pasukan antara Wazir2, Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, Menteri2, Pehin2 dan Penghulu2 serta Ketua2 Kampong.

Dalam perlawanan itu tempat pertama di-menangi oleh perahu 'Bulan Purnama' yang di-punyai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang di-kayohkan oleh Pasukan Pehin2 Timangan2 Begawan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pegawai2 di-jabatan itu.

Tempat kedua di-menangi oleh perahu 'Brunei Muara' yang di-punyai oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Pejabat Daerah Brunei dan Muara, sementara tempat ketiga jatuh kepada Pasukan Menteri2 Bertauliah dan Menteri Pendalaman yang menggunakan perahu 'Anak Siarau Tua' di-punyai oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Laila Utama Awang Haji Abd. Rahman.

Dalam bahagian lumba perahu, Angkatan Laut A.M.D.B. dengan nama perahu 'Seteria' memenangi acara 15 orang sa-pasukan, Pasukan World Wide Helicopter Ltd. dengan nama perahu 'Waspada' memenangi acara 12 orang sa-pasukan, perahu 'Seri Guddam' yang di-gunakan oleh Pejabat Bomba kepunyaan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan memenangi lumba perahu 15 orang sa-pasukan sementara perahu 'Seri Jerudong Park' yang di-punyai oleh Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pengiran Ibnu telah memenangi lumba perahu 20 orang sa-pasukan.

Perahu2 yang di-punyai dan kayohkan oleh Haji Laidin dan anak2 buahnya telah merangkul sa-banyak empat acara perlumbaan ia-itu dua kali perlumbaan 15 orang sa-pasukan, 10 orang sa-pasukan dan 8 orang sa-pasukan

dengan perahu Lanchang Kuning, dan Harimau Berbelang Putih.

Dalam perlumbaan motor sangkut sa-banyak dua acara telah di-adakan ia-itu yang tidak lebih menggunakan 25 kuasa kuda di-menangi oleh Awang Aspawi bin Haji Daud dari Kampong Sungai Pandan dengan nama perahu Geruda 020, sementara Awang Khamis bin Ibrahim dari Kampong Saba Darat 'A' dengan nama perahu 'U.S.S.R. 313' telah memenangi perlumbaan yang menggunakan enjin tidak lebih dari 45 kuasa kuda.

Antara beratus-ratus orang yang menyaksikan lumba perahu pada hari itu ialah Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abd. Momin, Setia usaha Sulit Baginda Sultan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pengiran Ibnu, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Kerajaan.

Hadiah kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abd. Aziz.



Salah satu acara perlumbaan perahu sedang di-jalankan (atas) sementara gambar bawah Awg. Haji Alidon (tengah) bersama piala2 yang di-menangi oleh perahu Haji Laidin dalam perlumbaan 15, 10, dan 8 orang pekayoh.



PASOKAN BRUNEI SERTAI KEJOHANAN LION CITY

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei menghantar satu pasukan ka-kejoohan Bolasepak Bawah 16 tahun, Lion City yang berlangsung di-Singapura.

Kejoohan kali yang ke-6 itu di-sertai oleh sembilan buah negara.

Pasukan Brunei ditempatkan dalam kumpulan 'A' menentang Jepun, Singapura, Saudi Arabia dan Malaysia. Lain2 negara yang mengambil bahagian ialah Thailand, Qatar, Korea Selatan dan Indonesia.

Sa-belum pasukan Brunei itu bertolak meninggalkan Brunei, satu upacara rengkas menyerahkannya Bendera Negeri Brunei telah di-langsungkan.

Bendera tersebut telah di-sampaikan kepada Ketua pasukan itu oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein (gambar atas).



Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaffar menyampaikan Oskar Kejoohan kepada ketua pasukan Daerah Brunei-Muara yang memenangi perlawanan terek kalat perengkat negeri yang telah di-adakan pada minggu lalu.

Dalam perlawanan yang di-adakan di-Komplek Sokan JKR itu, kedua2 perlawanan telah di-menangi oleh pasukan Daerah Brunei-Muara.

PERKASA anjor perlawanan bola sepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA) akan menganjorkan perlawanan bolasepak bagi kali ketiga tahun ini.

Perlawanan ini di-adakan ada-lah bersempena dengan ulang tahun puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-36, dan ada-lah hanya terbuka kepada penduduk2 yang tinggal atau yang telah di-lahirkan dan bermastautin di-Kampong Ayer.

Pemain2 yang akan menyertai perlawanan ini mesti-lah lebih dari 15 orang, termasuk 4 orang untuk simpanan, dan akan di-adakan sa-chara kalah mati (knock-out). Sementara bayaran yuran bagi menyertai perlawanan ini ia-lah sa-banyak \$60.00 sa-pasukan.

Persatuan Saba juga akan menjemput pasukan dari Kampong Lumapas, Kasat dan Pasukan Pasar (pemain2 yang terdiri dari penduduk2 tetap kampong itu dan pekerja pasar sahaja). Mana2 pasukan yang telah di-gantungkan oleh Persatuan Bolasepak Amat Negeri Brunei (BAFA) atau pihak pengajor ada-lah tidak dibenarkan menyertai perlawanan ini.

Borang2 bagi memasuki perlawanan ini boleh-lah di-perolehi dari Awang Ali Osman bin Salleh di-Kampong Sungai Kebun, Awang Lakim Tinggal di-Pejabat Undang-Undang, Awang Hussin Serudin di-Pejabat Letrik, Brunei dan dari Awg. Ismail bin Hj Zainal di-Pejabat Bandaran Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kepada nama2 tersebut di atas, tidak lewat pada 15hb. Sptember, 1982.

Perlawanan tinju

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Tinju Amat Negeri Brunei akan menganjorkan dua kejoohan tinju dalam bulan ini dan awal bulan depan.

Perlawanan awal kejoohan tinju akan di-adakan pada 29hb dan 30hb September, sementara Kejoohan Tinju Kebangsaan akan di-adakan pada 2hb dan 3hb Oktober depan.

Kedua2 kejoohan akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Peminat2 tinju yang ingin menyertai kejoohan2 tersebut boleh-lah mengikuti latihan yang di-adakan pada tiap2 hari Isnin, Rabu dan Sabtu mulai jam 5.00 petang.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, di-ibu negeri, Belait dan Tutong. Borang2 itu juga boleh di-perolehi di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan. Borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. September.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI PEMEREKSA TANAH KANAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk di-lantik sebagai PEMEREKSA TANAH KANAN di-Jabatan Tanah, Brunei.

Tangga Gaji :

C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sa-bulan.

Kelayakan2 dan Pengalaman :

a) Biasa-nya, chalon2 hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan IV, atau yang sebanding dengan-nya, dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab. Selain daripada itu, pegawainya yang sedang berkhidmat sa-bagai Pegawai Luar hendak-lah tahu membuat kerja2 sukat-menyukat dan pemetaan dan boleh membaca pelan2 bangunan serta mengira keluasan.

b) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan pelajaran yang tersebut diatas tetapi telah berkhidmat sa-bagai Pemereksa Tanah di-Jabatan Tanah sekurang2-nya sa-lama 10 tahun akan juga di-pertimbangkan untuk jawatan ini tertalok kepada senioriti, tangga gaji dan kebolehan

c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai Ilmu Alam tempatan.

d) Kebolehan menilai bidang2 yang seharus-nya di-teliti dalam satu2 penyiasatan dan menyediakan laporan2 yang jelas dan padat adalah suatu kelebihan.

e) Pemohon2 yang berjaya mesti-lah bersedia di-pasokkan di-mana2 pusat dan berkhidmat di-mana2 Daerah.

Tugas2 :

Selain daripada kerja2 memereksa dan menyediakan laporan terhadap permohonan2 orang ramai mengenai hal ehwal tanah, Pemereksa2 Tanah Kanan hendak-lah mempunyai kebolehan yang chemerlang dalam hal ehwal pemereksaan ka-atas penyalahgunaan tanah, tapak bagi projek2 Kerajaan dan sa-bagai-nya. Mereka di-kehendaki melaksanakan tugas2 ini dengan lebih berkesan lagi daripada Pemereksa2 Tanah.

Pemereksa Tanah Kanan juga di-kehendaki membantu Ketua Pemereksa Tanah dalam menyelia kerja2 Pemereksa2 Tanah.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar per-

mohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan besama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb September, 1982.

(E/268/74—Bil: 264/1982)

Sa-bagai Pembantu Penyelenggara

